



---

## **KERATAN AKHBAR DAN BERITA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**21 OGOS 2023 (ISNIN)**



---

---

## **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

---

**21 OGOS 2023 (ISNIN)**

Kerajaan cari kaedah kurang kebergantungan kepada negara luar

## Import gula 100% dari Brazil

Oleh KHAIRUL MOHD ALI

**JOHOR BAHRU** – Kerajaan sedang mengkaji kaedah terbaik bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap gula mentah import yang kini berada pada tahap 100 peratus.

Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, lebih membimbangkan apabila Malaysia hanya menerima bekalan itu dari sebuah negara.

Menurut beliau, negara yang masih memberi komitmen untuk mengeksport bekalan gula mentah mereka ke Malaysia adalah Brazil.

"Yang ada di dalam negara ada gula refinery, gula proses, tetapi gula mentah bekalan kita adalah sepenuhnya dari negara luar. Sebelum ini kita terima bekalan dari beberapa negara antaranya Brazil, Thailand dan India. Namun, atas beberapa faktor, kini kita hanya terima bekalan dari Brazil.

"Jadi, kita perlu fikirkan untuk tempoh masa panjang, bukan sahaja KPDN, tetapi semua kementerian dan agensi terlibat berhubung penghasilan produk penting agar sekurang-kurangnya kita dapat mencapai tahap sara diri, kerana kita khuatir faktor geopolitik global akan pengaruhi bekalan dalam negara," katanya.



ARMIZAN (kanan) menetapkan kadar harga jualan beberapa produk sempena program Jualan Rahmah Mega di pekarangan Stadium Tertutup MBPG di Pasir Gudang kelmarin

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Program Jualan Rahmah Mega di pekarangan Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) di sini kelmarin.

Tambah Armizan, tindakan mengimport gula mentah sepenuhnya dari negara luar dibuat kerana kos diperlukan lebih rendah berbanding sekiranya

produk itu dikeluarkan di negara ini.

"Namun, faktor itu perlu dikaji semula, kerana kita perlu fikirkan keperluan asas negara untuk tempoh jangka masa panjang. Jadi walaupun kosnya lebih tinggi sekiranya dihasilkan tempatan, tetapi kita perlu berbelanja lebih sedikit dalam aspek ini," ujarnya.

Sementara itu, berhubung

program Jualan Rahmah Mega tersebut, Armizan memaklumkan, inisiatif yang telah dijalankan di 1,229 lokasi seluruh negara tersebut telah dimanfaatkan oleh 2.1 juta pengguna.

"Jumlah itu direkodkan sejak Januari tahun ini hingga 31 Julai lalu, di Johor sahaja program ini telah memanfaatkan seramai 611,790 penggunaan," ujarnya.

## Kaji kaedah kurangkan import gula

**Pasir Gudang:** Kerajaan mengkaji kaedah terbaik bagi mengurangkan kebergantungan bekalan gula mentah negara yang kini 100 peratus diimport dari luar.

Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Datuk Armizan Mohd Ali berkata, ia bagi mengatasi masalah bekalan bahan mentah tersebut sekiranya ada faktor luar kawalan yang boleh menjelaskan bekalan seperti geopolitik, bencana dan sebagainya.

Katanya, buat masa ini,

Malaysia hanya menerima bekalan dari Brazil berbanding dari Thailand dan India sebelum ini.

"Dalam negara ada gula (tapi gula proses), tetapi gula mentah bekalan kita adalah sepenuhnya dari negara luar.

"Kita memikirkan jangka masa panjang bagaimana penghasilan bekalan keperluan harian pengguna. Kita kena pastikan sekurang-kurangnya kalaupun SSL (tahap sara diri) itu tidak sepenuhnya, tapi

kita ada bekalan yang boleh dapat dalam negara," katanya di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Pasir Gudang di sini, kelmarin.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Program Jualan Rahmah Mega di pekarangan Stadium Tertutup MBPG, di sini hari ini.

Turut hadir Pengurus Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Johor Lee Ting Han; dan

**Malaysia hanya menerima bekalan dari Brazil berbanding dari Thailand dan India sebelum ini**

Pengarah KPDN Johor Lilis Saslinda Pornomo.

Katanya, langkah meng-import gula mentah sepenuhnya dari negara luar dibuat kerana kosnya lebih rendah berbanding dieluarkan dalam negara.

Mengenai program Jualan Rahmah Mega yang diadakan, Armizan berkata, inisiatif itu dijalankan di 1,229 lokasi seluruh negara dan memanfaatkan 2.1 juta pengguna.

Katanya, jumlah itu direkodkan dari Januari hingga 31 Julai lalu dengan di Johor sahaja memanfaatkan 611,790 pengguna.



SEORANG lelaki warga tempatan berusia 37 tahun yang mengaku pemandu treler ditahan bagi membantu siasatan.

# Kerja jahat 6 bulan

**KPDN serbu premis beroperasi tanpa lesen sorok 47,540 liter diesel**

Oleh Izz Laily Hussein  
am@hmetro.com.my

**Johor Bahru**

**I**ntipan enam bulan ke atas sebuah premis di Taman Perindustrian Plentong, Masai, dekat sini, menumpaskan sindiket penyelewengan diesel bersubsidi hasil serbuan Ops Tiris Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), kelmarin.

Pemangku Menteri, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, premis berkenaan turut didapati beroperasi tanpa lesen.

Katanya, serbuan dijalankan sepasukan penguat kuasa KPDN Putrajaya jam 8.10

malam hasil intipan pihaknya selama enam bulan.

"Dalam operasi berkenaan, seorang lelaki warga tempatan berusia 37 tahun yang mengaku pemandu treler ditahan bagi membantu siasatan.

"Pasukan serbuan menemui 47,540 liter diesel dan beberapa peralatan lain dipercayai digunakan dalam aktiviti penyelewengan.

"Kami turut merampas lori tangki, dua lori dan satu kenderaan pacuan empat roda bernilai keseluruhan RM267,457 termasuk diesel," katanya dalam satu kenyataan, malam kelmarin.

Menurut Armizan, modus operandi sindiket terbabit adalah mengisi diesel ke da-

**"Kami turut merampas lori tangki, dua lori dan satu kenderaan pacuan empat roda bernilai keseluruhan RM267,457 termasuk diesel"**

lam beberapa lori di beberapa stesen minyak sepanjang Lebuhraya Pasir Gudang, Masai dan Kempas sebelum diantar ke stor harap berkenaan untuk dijual di pasaran.

Katanya, KPDN membuka kertas siasatan mengikut

Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 bagi mengenal pasti individu atau syarikat terbabit dalam aktiviti itu.

"Siasatan dibuat bagi memastikan rantaian pengedaran diesel itu dan ke mana ia diedarkan," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, KPDN mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pesalah yang melakukan aktiviti sedemikian.

Sehubungan itu, orang awam yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan aktiviti penyelewengan diminta menyalurkan aduan melalui WhatsApp di talian 019-279 4317 dan 019-848 8000 atau membuat panggilan ke 1-800-886-800.

## Pemandu treler ditahan kes seleweng diesel

**Johor Bahru:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merampas 47,540 liter diesel yang dipercayai cuba diseleweng di sebuah premis di Taman Perindustrian Plentong, Masai di sini, kelmarin.

Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata serbuan pada jam 8.10 malam itu dilakukan sepasukan anggota penguat kuasa dari KPDN Putrajaya menerusi Op Tiris hasil risikan sejak enam bulan lalu.

Beliau berkata, turut ditahan seorang lelaki tempatan berusia 37 tahun yang mengaku bekerja sebagai pemandu treler.

“Sebuah lori tangki, dua lori dan satu kenderaan pikap serta minyak diesel disita dengan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan RM267,457,” katanya dalam kenyataan malam kelmarin.

Armizan berkata, modus operandi sindiket ini adalah dengan mengisi minyak diesel dalam beberapa lori di beberapa stesen minyak sebelum dihantar ke stor haram berkenaan untuk dijual di pasaran.

## KPDN rampas lebih 47,000 liter diesel bersubsidi diseleweng

**JOHOR BAHRU** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) berjaya membongkar aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi dengan rampasan 47,540 liter minyak itu dan barang rampasan dianggarkan bernilai RM267,457 di Taman Perindustrian Plentong, Masai di sini pada Sabtu.

Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, serbuan merusuri Op Tiris dijalankan sepasukan anggota penguat kuasa KPDN pada jam 8.10

malam itu merupakan hasil risikan sejak enam bulan.

"Sindiket ini menggunakan beberapa buah lori, kemudiannya mengisi minyak diesel di beberapa stesen minyak di sepanjang laluan Lebuhraya Pasir Gudang, Masai dan Kempas.

"Diesel itu kemudiannya dihantar ke stor haram berkenaan dan dijual di pasaran. Cara ini digunakan sebagai modus operandi sindiket menyeleweng diesel bersubsidi," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Menurutnya, seorang lelaki tempatan berumur 37 tahun yang mengaku sebagai pemandu triler juga telah ditahan bagi membantu siasatan.

"Sebuah lori tangki, dua buah lori bonded, sebuah kendaraan pikap dan minyak diesel telah disita dengan keseluruhan rampasan berjumlah RM267,457.

"Kes akan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi mengenal pasti individu atau syarikat yang terlibat dalam aktiviti ini serta rantaian pengedaran minyak diesel tersebut," ujarnya.

Sebanyak 47,540 liter bahan bakar itu berjaya dirampas di Pleintong

## Stor simpan diesel subsidi diserbu

Oleh KHAIRUL MOHD ALI

**JOHOR BAHRU** – Tembelang satu sindiket mencuri diesel subsidi untuk dijual di pasaran gelap sejak enam bulan lalu akhirnya terbongkar apabila diserbu sepasukan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) dalam Ops Tiris kelmarin.

Serbuan pada pukul 8.10 malam di sebuah premis di Taman Perindustrian Pleintong, Masai di sini itu, berjaya merampas 47,540 liter diesel, dua lori tangki, lori (2) dan sebuah trak pikap dengan nilai keseluruhan RM267,457.

Modus operandi sindiket itu ialah mengisi diesel di beberapa stesen minyak di sekitar Pasir Gudang ke dalam lori sebelum dihantar ke stor haram untuk dijual di pasaran.

Pemangku Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, operasi oleh KPDN Putrajaya itu dilakukan selepas pihaknya membuat intipan selepas enam bulan berdasarkan maklumat awam.

"Dalam operasi berkenaan, seorang lelaki warganegara tempatan berusia 37 tahun yang mengaku sebagai pemandu treler telah ditahan bagi membantu siasatan.



ARMIZAN (kanan) melihat sebahagian diesel yang dirampas di sebuah premis di Taman Perindustrian Pleintong, Masai, Johor Bahru kelmarin.

"Hasil pemeriksaan, pasukan serbuan telah menemukan minyak diesel berjumlah 47,540 liter

dan beberapa kenderaan dengan nilai keseluruhan RM267,457," katanya ketika ditemui di lokasi

serbuan.

Menurut Armizan, satu kertas siasatan telah dibuka mengikut



Dalam operasi berkenaan, seorang lelaki warganegara tempatan berusia 37 tahun yang mengaku sebagai pemandu treler telah ditahan bagi membantu siasatan."

**ARMIZAN**

AKta Kawalan Bekalan 1961 bagi mengenal pasti individu atau syarikat yang terlibat dalam aktiviti itu.

Tambahnya, siasatan turut dibuat bagi memastikan rantau pengedaran minyak diesel dan ke mana bahan bakar itu diedarkan.

"Pihak berkuasa akan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pesalah yang melakukan aktiviti sedemikian," katanya.

Sehubungan itu, Armizan meminta orang awam yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan aktiviti penyelewengnan boleh menyalurkan aduan melalui WhatsApp di talian **019-279 4317** dan **019-848 8000** atau membuat panggilan ke **1-800-886-800**.

## Syndicate illegally selling subsidised diesel busted in raid

By VENESA DEVI  
venesa@thestar.com.my

**PASIR GUDANG:** Some 47,540 litres of subsidised diesel have been seized by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDPP) in a raid at the Plentong Industrial area here.

Its acting minister Datuk Armizan Mohd Ali said that the raid under Ops Tiris was conducted by the Putrajaya KPDN at about 8.10pm on Saturday after six months of investigation.

"The syndicate uses several lorries to carry out their illegal operation.

"They would fill up on diesel from several petrol stations along the Pasir Gudang Highway, and in Masai and Kempas before bringing them to be sold illegally," he said.

He said this in a statement after joining the raid on Saturday night.

Armizan said that KPDN also seized three lorries and a four-wheel drive during the raid.

"The total value of seized items, including the diesel, amounted to RM267,457.

"A 37-year-old man, who is a driver of one of the lorries, was also arrested to assist in the investigation," he said.

He added that investigation papers had been initiated under the Control of Supplies Act 1961 to identify the individuals and companies involved in the syndicate.

"The company involved will also be probed under the Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001," he said.

Armizan said that the ministry would take stern action against those involved.

"We also hope the public could be our eyes and ears and help curb such activities that will cause great losses," he said.



**End of business:**  
Armizan (left)  
speaking to  
enforcement  
officers  
during the  
raid in Pasir  
Gudang,  
Johor.

## 47,000 litres of diesel seized in raid

**JOHOR BAHRU:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry seized 47,540 litres of diesel and equipment from a syndicate at the Plentong Industrial Estate in Masai here.

Its acting minister Datuk Armizan Mohd Ali said a Putrajaya trade enforcement team conducted the raid under "Op Tiris" at a store on Saturday at around 8pm, following a six-month investigation and surveillance.

They also arrested a 37-year-old man, who admitted to working as a trailer driver.

"The modus operandi of the syndicate was to use several lorries to collect diesel from certain petrol stations along the Pasir Gudang, Masai and Kempas highways and send it to the store for eventual sale on the market."

"A tanker, two bonded lorries, a pickup truck and diesel were seized, totalling RM267,457 (in value)."

Armizan said in a statement the case is being investigated under the Control of Supplies Act 1961 to identify the individuals or companies involved in the network and the locations for distribution.

"These companies will also be investigated under the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001."

"The ministry will deploy personnel and intensify enforcement and monitoring to combat these illegal activities, especially at petrol stations located near the country's borders." - Bernama



---

## **KERATAN AKHBAR (AGENSI KPDN)**

---

**21 OGOS 2023 (ISNIN)**

## PBU23 bantu usahawan teroka, majukan perniagaan

**SHAH ALAM** – Program Bimbingan Usahawan (PBU23) peringkat Selangor yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah berjaya menarik penyertaan lebih 1,000 peserta yang ingin meningkatkan kefahaman mengenai selok-belok perniagaan sekali gus memajukan mereka dalam bidang itu.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, secara keseluruhan, PBU23 diwujud dan dilaksanakan bagi memberi sokongan, bimbingan serta peluang kepada usahawan tempatan untuk menguasai bidang perniagaan meliputi segala aspek yang terkandung di dalam sektor itu.

"SSM memberi penekanan kepada pendekaran budaya keusahawanan yang mana ia dapat membuka peluang kepada para usahawan tempatan untuk mempelajari aspek penting dalam selok-belok dunia perniagaan melalui pengurusan, kewangan, pemasaran, operasi dan sebagainya.

"Bukan itu sahaja, dalam mencapai objektif ini, SSM telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi mewujudkan kesedaran kepada komuniti berkenaan kepentingan pendaftaran, strategi dan kewangan serta kaedah pemasaran digital," katanya sewaktu merasmikan PBU23 yang berlangsung di Dewan Jamuan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini pada Sabtu.

Tambah beliau lagi, pendedahan dan



Lebih 1,000 peserta menyertai PBU23 peringkat negeri Selangor yang berlangsung di Dewan Jamuan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada Sabtu.

pendidikan berterusan dalam bidang perniagaan adalah salah satu pendekatan penting dalam membentuk budaya keusahawanan yang baik di Malaysia di samping penerokaan teknologi serta digital yang mampu meningkatkan daya saing para usahawan pada masa depan.

"Adaptasi teknologi mampu memberikan pengalaman yang lebih baik kepada usahawan tempatan dalam menghadapi cabaran pada masa depan dengan meneroka peluang supaya terus memainkan peranan penting dalam mendorong pertumbuhan ekonomi negara.

"Justeru, saya yakin PBU23 mampu mencapai matlamatnya. Malah program

**“SSM memberi penekanan kepada pendedahan budaya keusahawanan yang membuka peluang para usahawan tempatan mempelajari aspek penting dalam selok-belok dunia perniagaan melalui pengurusan, kewangan, pemasaran, operasi dan sebagainya.”**

- Nor Azimah

ini merupakan platform terbaik kepada usahawan untuk meneroka, mempelopori ilmu-ilmu keusahawanan serta

meningkatkan kemahiran individu dalam menguruskan perniagaan sendiri," ujarnya.

Dalam pada itu, Nor Azimah turut menyeri para peserta program supaya dapat bersama-sama mengambil peluang daripada Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) yang diwujudkan oleh SSM bagi menggalakkan lebih ramai usahawan untuk mencebur ke dalam perniagaan.

Dengan pengecualian yuran pendaftaran dan maklumat perniagaan, SPPP katanya telah diperluaskan kepada pasangan suami isteri usahawan golongan berpendapatan rendah (B40) bagi menggalakkan isi rumah tersebut menjadikan perniagaan sebagai salah satu sumber pendapatan mereka.

Pada masa sama, majlis itu turut menyaksikan SSM menyampaikan serahan sumbangan Wakalah Zakat Korporat (WZK) berjumlah RM237,600 kepada agensi, institusi pendidikan, surau serta masjid.

Selain itu, sumbangan di bawah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) SSM itu turut disalurkan kepada persatuan dan pusat jagaan melibatkan jumlah sebanyak RM9,000.



NOR AZIMAH



---

---

## **BERITA ONLINE (KPDN)**

---

---

**21 OGOS 2023 (ISNIN)**

| BERITA ONLINE BERTARIKH 21 OGOS 2023 |   |   |                     |
|--------------------------------------|---|---|---------------------|
| TARIKH                               | TAJUK   | PAUTAN  | MEDIA               |
| 21-Aug                               | 6 bulan intip premis seleweng diesel subsidi  | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/08/1001365/6-bulan-intip-premis-seleweng-diesel-subsidi">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/08/1001365/6-bulan-intip-premis-seleweng-diesel-subsidi</a>   | HM                  |
| 21-Aug                               | KPDN rampas 47,540 liter diesel ber-subsidi diseleweng  | <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-rampas-47540-liter-diesel-bersubsidi-diseleweng-433667">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-rampas-47540-liter-diesel-bersubsidi-diseleweng-433667</a>   | ASTROAWANI          |
| 21-Aug                               | Diesel smuggling busted in Pasir Gudang, 47,450 litres seized   | <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/08/20/diesel-smuggling-busted-in-pasir-gudang-47450-litres-seized">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/08/20/diesel-smuggling-busted-in-pasir-gudang-47450-litres-seized</a>   | THESTAR             |
| 21-Aug                               | Sindiket 'sedut' diesel tumpas, KPDN rampas 47,540 liter diesel   | <a href="https://www.kosmo.com.my/2023/08/20/sindiket-sedut-diesel-tumpas-kpdn-rampas-47540-liter-diesel/">https://www.kosmo.com.my/2023/08/20/sindiket-sedut-diesel-tumpas-kpdn-rampas-47540-liter-diesel/</a>   | KOSMO               |
| 21-Aug                               | KPDN rampas 47,540 liter diesel dis-yaki cuba diseleweng  | <a href="https://www.themalaysianinsight.com/">https://www.themalaysianinsight.com/</a>   | THEMALAYSIANINSIGHT |
| 21-Aug                               | Domestic Trade Ministry cripples syndicate with seizure of about 47,000 litres of misappropriated diesel in Johor | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/08/20/domestic-trade-ministry-cripples-syndicate-with-seizure-of-about-47000-litres-of-misappropriated-diesel-in-johor/86174">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/08/20/domestic-trade-ministry-cripples-syndicate-with-seizure-of-about-47000-litres-of-misappropriated-diesel-in-johor/86174</a> | MALAYMAIL           |
| 21-Aug                               | KPDN rampas lebih 47,000 liter diesel disyaki cuba diseleweng   | <a href="https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2217892">https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2217892</a>   | BERNAMA             |
| 21-Aug                               | KPDN cripples syndicate with sei-zure of about 47,000 litres of mis-appropriated diesel                           | <a href="https://bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2217902">https://bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2217902</a>   | BERNAMA             |
| 21-Aug                               | KPDN rampas 47,540 liter diesel bersubsidi diseleweng   | <a href="https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/274689">https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/274689</a>   | SH                  |
| 21-Aug                               | Armizan ketuai Op Tiris tumpaskan sindiket seleweng diesel  | <a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/armizan-ketuai-op-tiris-tumpaskan-sindiket-seleweng-diesel/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/armizan-ketuai-op-tiris-tumpaskan-sindiket-seleweng-diesel/</a>   | UM                  |
| 21-Aug                               | Domestic Trade Ministry foils attempt to embezzle 47,000 litres of subsidised diesel                              | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/08/945228/domestic-trade-ministry-foils-attempt-embezzle-47000-litres-subsidised">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/08/945228/domestic-trade-ministry-foils-attempt-embezzle-47000-litres-subsidised</a>   | NST                 |

|        |  |   |            |
|--------|--|---|------------|
| 21-Aug | KPDN tambah baik aplikasi Price Catcher  | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/08/1001553/kpdn-tambah-baik-aplikasi-price-catcher">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/08/1001553/kpdn-tambah-baik-aplikasi-price-catcher</a>   | HM         |
| 21-Aug | KPDN tambah baik aplikasi 'price catcher' untuk tarik lebih ramai pengguna               | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-tambah-baik-aplikasi-price-catcher-untuk-tarik-lebih-ramai-pengguna-433732%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-tambah-baik-aplikasi-price-catcher-untuk-tarik-lebih-ramai-pengguna-433732%3famp=1</a>                                     | ASTROAWANI |
| 21-Aug | KPDN tambah baik aplikasi Price Catcher  | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/08/1142903/kpdn-tambah-baik-aplikasi-price-catcher">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/08/1142903/kpdn-tambah-baik-aplikasi-price-catcher</a>   | BH         |
| 21-Aug | Domestic Trade Ministry to improve Price Catcher app to attract more users, says Armizan | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/08/20/domestic-trade-ministry-to-improve-price-catcher-app-to-attract-more-users-says-armizan/86241">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/08/20/domestic-trade-ministry-to-improve-price-catcher-app-to-attract-more-users-says-armizan/86241</a> | MALAYMAIL  |
| 21-Aug | Penggunaan masih rendah, KPDN tambah baik aplikasi Price Catcher                         | <a href="https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/274770">https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/274770</a>   | SH         |
| 21-Aug | KPDN tambah baik Aplikasi Price Catcher untuk tarik lebih ramai pengguna                 | <a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2218033">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2218033</a>   | BERNAMA    |
| 21-Aug | KPDN to improve price catcher app to attract more users                                  | <a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2218055">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2218055</a>   | BERNAMA    |
| 21-Aug | Price catcher ditambah baik, lebih mesra pengguna  | <a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/price-catcher-ditambah-baik-lebih-mesra-pengguna/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/price-catcher-ditambah-baik-lebih-mesra-pengguna/</a>   | UM         |
| 21-Aug | KPDN tambah baik aplikasi Price Catcher  | <a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/69643-kpdn-tambah-baik-aplikasi-price-catcher">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/69643-kpdn-tambah-baik-aplikasi-price-catcher</a>   | BERITARTM  |
| 21-Aug | Aplikasi 'Price Catcher' kurang sambutan, akan ditambah baik                             | <a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/08/20/aplikasi-price-catcher-kurang-sambutanakan-ditambah-baik/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/08/20/aplikasi-price-catcher-kurang-sambutanakan-ditambah-baik/</a>   | FMT        |